



## Pengerusikan mesyuarat MB dan KM

● **PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** (kanan) memengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur semalam.

Turut sama ialah Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah (kanan beliau) dan diikuti oleh Menteri Pertanian, Datuk Haji Abdul Manan Othman dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr. Neo Yee Pan.

Kesemua Menteri Besar dan Ketua Menteri, kecuali Menteri Besar Pahang, Haji Abdul Rahim Abu Bakar yang kini menunaikan fardu haji di Mekah, berada di Petaling Jaya sejak semalam untuk menghadiri mesyuarat para Menteri Besar dan Ketua Menteri di Bilik Gerakan Majlis Perbandaran Petaling Jaya, hari ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Hormat Rafi memengerusikan mesyuarat tersebut yang antara lain akan membincangkan agenda bagi persidangan ke 122 Majlis Raja-Raja yang akan berlangsung di Istana Shah Alam, Kelang mulai Rabu ini.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia